



PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD
TINGKAT 7, WISMA CHASE PERDANA
OFF JALAN SEMANTAN, BUKIT DAMANSARA
50490 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2584800

Fax : 03-2535722

Tarikh : 29 Disember 01

PEKELILING MAJIKAN BIL.15/2001

BANTUAN KEWANGAN BAGI PROGRAM LATIHAN YANG DIJALANKAN SECARA 'ONLINE' (E-LEARNING) DI BAWAH SKIM PROLUS

1 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini adalah bertujuan memaklumkan majikan yang berdaftar dengan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) berkenaan bantuan kewangan bagi program/kursus latihan yang dijalankan secara "online" di bawah skim PROLUS Pembangunan Sumber Manusia Berhad.

2 LATAR BELAKANG

- 2.1 Selaras dengan perkembangan dan perubahan teknologi yang pesat dan cabaran K-Ekonomi, pihak PSMB telah banyak menerima pertanyaan mengenai permohonan untuk mengadakan kursus-kursus yang dilaksanakan secara "online" oleh pihak majikan dan penyedia latihan. Sehubungan itu, PSMB telah membuat keputusan untuk meluluskan bantuan kewangan bagi program latihan yang dijalankan secara "online" di bawah Skim PROLUS pada bulan Julai 2000.
- 2.2 Melalui kemudahan bantuan kewangan ini, adalah diharap majikan akan menghantar pelatih untuk menjalani program latihan/kursus secara "online" (E-Learning).

3. FAKTOR-FAKTOR YANG MENDORONG PERLAKSANAAN PROGRAM LATIHAN E-LEARNING

- 3.1 Pada umumnya, faktor-faktor yang mendorong ke arah pelaksanaan E-Learning adalah seperti berikut:-
- (a) Kecenderungan institusi-institusi negara maju ke arah penggunaan kombinasi kaedah latihan melalui laman web internet dan secara bersemuka untuk proses pembelajaran.
 - (b) Memberi kemudahan dari segi fleksibiliti masa untuk mengikuti latihan dan perkara ini dapat mengatasi masalah keengganan majikan melepaskan pekerja mereka untuk mengikuti latihan atas alasan kesibukan yang sering wujud "production line".
 - (c) E-Learning boleh menjimatkan kos kerana pekerja tidak perlu pergi ke tempat Penyedia Latihan dan pekerja boleh mengikuti latihan di luar waktu bekerja.

- (d) Melalui E-Learning, pengurusan masa untuk latihan dapat dikendalikan tanpa menjejaskan produktiviti syarikat ; dan
- (e) Melalui E-Learning, pekerja dapat memperolehi latihan berstruktur daripada pengajar yang terbaik.

4 PROSEDUR PERLAKSANAAN

- 4.1 Semua majikan yang berdaftar di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) adalah layak untuk mendapatkan bantuan kewangan bagi program/kursus E-Learning yang telah diluluskan di bawah Skim PROLUS.
- 4.2 Majikan hanya perlu memilih program/kursus E-Learning daripada Penyedia Latihan yang diluluskan seperti di [LAMPIRAN 1](#). Adalah dimaklumkan bahawa senarai program/kursus ini akan ditambah dari masa ke semasa. Senarai terkini program/kursus ini akan ditambah dari masa ke semasa. Senarai terkini program latihan boleh didapati dihalaman web PSMB di alamat <http://www.hrdnet.com.my>.
- 4.3 Setelah membuat pilihan majikan bolehlah mendaftar bagi program/kursus E-Learning yang berkenaan secara "online".

5. KOS-KOS YANG DIBENARKAN (ALLOWABLE COSTS)

- 5.1 Kos-kos yang dibenarkan dibawah skim ini adalah seperti berikut:
 - a) Yuran latihan;
 - b) Elaun Harian bagi menghadiri latihan bersemuka sahaja; dan
 - c) Tiket Penerbangan bagi menghadiri latihan bersemuka jika berterusan.
- 5.2 Elaun harian bagi setiap peserta yang menghadiri latihan bersemuka yang layak dituntut adalah tertakluk kepada kadar maksimum seperti berikut:-
 - a) Latihan 4 jam sehari dan ke atas - Elaun harian sebanyak RM50.00 atau Rm150.00 seorang sehari mengikut jarak dari tempat kerja ke premis latihan seperti berikut:-
 - i) Kurang dari 50 Kilometer - RM50.00
 - ii) 50 Kilometer dan ke atas - RM150.00
 - b) Kurang dari 4 jam sehari - Elaun harian sebanyak Rm25.00 atau RM75.00 seorang sehari mengikut jarak dari tempat kerja ke premis latihan seperti berikut :-
 - i) Kurang dari 50 Kilometer - RM25.00
 - ii) 50 Kilometer dan ke atas - RM75.00

Walau bagaimanapun bagi latihan bersemuka yang kurang dari 12 jam sehari, elaun harian adalah tidak layak dituntut.

- 5.3 Tiket kapalterbang bagi setiap peserta yang menghadiri latihan

bersemuka adalah dibenarkan jika berkenaan dan tertakluk kepada syarat berikut:-

- a) Kadar ekonomi; dan
- b) Untuk satu perjalanan pergi dan balik sahaja bagi keseluruhan latihan bersemuka.

6. PEMBAYARAN TUNTUTAN GERAN LATIHAN

- 6.1 Majikan perlu melengkapkan dan menghantar borang [PSMB/PRO/ET/T1/01](#) (sila lihat LAMPIRAN 11) bagi tuntutan geran latihan.
- 6.2 Majikan hendaklah menyertakan senarai kehadiran [PSMB/PRO/ET/1/01](#) bersama-sama borang tuntutan. (Sila rujuk LAMPIRAN 111).
- 6.3 Pembayaran geran latihan hanya akan dibuat berasaskan kepada tuntutan yang dikemukakan selepas tamatnya setiap program/kursus E-Learning. Tuntutan-tuntutan bagi bayaran balik hendaklah dikemukakan kepada PSMB sebaik sahajaprogram/kursus E-Learning tersebut tamat.
- 6.4 Dokumen sokongan yang diperlukan adalah seperti berikut:-
 - a) Elaun harian -Baucar bayaran atau tuntutan perjalanan dan bil hotel jika melibatkan penginapan
 - b) Tiket kapal terbang -Tiket "stub" atau resit pembelian tiket
- 6.5 Lain-lain syarat tuntutan geran latihan dibawah Skim PROLUS adalah terpakai

7. KADAR BANTUAN KEWANGAN

- 7.1 Bagi program berbentuk kemahiran teknikal, kraft, kualiti dan produktiviti serta komputer kadar bantuan kewangan yang diluluskan adalah sebanyak 100% dari yuran latihan yang diluluskan; dan
- 7.2 Bagi program latihan semula dan peningkatan kemahiran yang lain, kadar bantuan kewangan yang diluluskan adalah sebanyak 85% dari yuran latihan atau tertakluk kepada kadar semasa yang masih berkuasa.

8. PENUTUP

- 8.1 Pekeliling ini berkuatkuasa pada 1 Januari 2002.
Sekian, terima kasih.

"PEKERJA TERLATIH MENJANA KECEMERLANGAN "
"K-PEKERJA PEMANGKIN KECEMERLANGAN NEGARA"

Yang ikhlas,

(SHHRIL BIN HASSAN)

Pengarah

Bahagian Pembangunan Sumber Latihan

b.p Ketua Eksekutif

Pembangunan Sumber Manusia Berhad

s.k Pengarah Bahagian Geran Latihan

Pembangunan Sumber Manusia Berhad

Pengarah Bahagian Kewangan

Pembangunan Sumber Manusia Berhad

Penyedia Latihan Berdaftar Di Bawah Skim PROLUS

1. Kolej Yayasan Melaka
No. Jalan Bukit Sebukor
75150 Melaka

No. Pendaftaran
0639

Tel : 06-2818245

Fax : 06-2864236

Halaman Web: www.cisco.netacad.net

Klasifikasi (Kadar Bantuan Kewangan) Tajuk Kursus	Jumlah Jam Latihan	Harga Yuran(RM)		PERLA (Yes/No)
		Ahli	Bukan Ahli	
1. <i>Komputer/Teknologi Maklumat (100%)</i> • Cisco Certified Networking Associate Programme	280	-	10,000	-

2. Internexia Sdn Bhd
Fujitsu Plaza
1A Jalan Tandang 204
P.O Box 636 Jalan Sultan
46770 Petaling Jaya

No. Pendaftaran
0618

Tel : 03-77833888

Fax : 03-77840825

Halaman Web : www.internexia.com

Klasifikasi (Kadar Bantuan Kewangan) Tajuk Kursus	Jumlah Jam Latihan	Harga Yuran(RM)		PERLA (Yes/No)
		Ahli	Bukan Ahli	
1. <i>Komputer/Teknologi Maklumat (100%)</i> • Introduction To Computers and Application	80	-	120	-
• Introduction To Computers and Application (Desktop Publishing)	25	-	250	-
• Introduction To Computers and Application (Computer Aided Design (CAD)	25	-	250	-
• Introduction To Computers and Application (Webpage)	35	-	250	-

3. United Multimedia Sdn Bhd

Level 18 KUB.Com
 12, Jalan Yap Kwan Seng
 P.O Box 12294
 50772 Kuala Lumpur

No. Pendaftaran
0603

Tel : 03-27181977 Fax : 03-27189779 Halaman Web: <http://courseware.myhrdx.com/bitkw>

Klasifikasi (Kadar Bantuan Kewangan) Tajuk Kursus	Jumlah Jam Latihan	Harga Yuran(RM)		PERLA (Yes/No)
		Ahli	Bukan Ahli	
1. <i>Komputer/Teknologi Maklumat (100%)</i> <ul style="list-style-type: none"> Introduction To Computers and Application 	55	-	670	-

4. Celcom Academy Sdn Bhd

No.2, Jalan 5/89A
 Off Jalan Sekilau
 Komplek Ambers
 56000 Cheras

No. Pendaftaran
0237

Tel : 03-91711900 Fax : 03-2623900 Halaman Web: <http://smartlearn.com.my>

Klasifikasi (Kadar Bantuan Kewangan) Tajuk Kursus	Jumlah Jam Latihan	Harga Yuran(RM)		PERLA (Yes/No)
		Ahli	Bukan Ahli	
1. <i>Komputer/Teknologi Maklumat (100%)</i> <ul style="list-style-type: none"> Microsoft Office User Specialist (MOUS):Micosrosoft Office 2000:Core 	75	-	1,200	-

PSMB/ET/T1/01
Untuk dikemukakan dalam
satu salinan sahaja

TUNTUTAN GERAN LATIHAN
BAGI PROGRAM E-LATIHAN
SKIM PROLUS
DI BAWAH PEMBANGUNAN SUMBER
MANUSIA BERHAD, 2001

NOMBOR KOD MAJIKAN

1. Nama dan Alamat Syarikat yang berdaftar: Pegawai untuk dihubungi : _____
 No. Telefon : _____

2. Tajuk Kursus/Program :

3. Nama Institusi/Penyedia Latihan :

5. **BUTIR-BUTIR PELATIH :**

GELARAN JAWATAN SEMASA	BIL. PELATIH	JANTINA*		KAUM*			
		Lelaki	Perempuan	Bumiputera	Cina	India	Lain-lain (Sila nyatakan)
_____	_____	_____	_____	_____	_____	_____	_____
_____	_____	_____	_____	_____	_____	_____	_____
_____	_____	_____	_____	_____	_____	_____	_____
_____	_____	_____	_____	_____	_____	_____	_____
_____	_____	_____	_____	_____	_____	_____	_____
_____	_____	_____	_____	_____	_____	_____	_____
_____	_____	_____	_____	_____	_____	_____	_____
_____	_____	_____	_____	_____	_____	_____	_____
Jumlah		_____	_____	_____	_____	_____	_____

(Sila gunakan lampiran seperti format yang ditetapkan jika ruangan tidak mencukupi)

- Nyatakan bilangan

6. Bil. pelatih yang layak _____ (Sila sertakan senarai kehadiran asal **PSMB/ET/1/01 yang telah disediakan oleh Institut /Penyedia Latihan**)

Bayaran yuran : RM _____
 @ RM _____ seorang pelatih X bil. pelatih _____

Elaun harian untuk pelatih-pelatih : RM _____
 @ RM _____ seorang pelatih X bil. pelatih _____ X hari _____

Kadar ekonomi bagi perjalanan udara, jika berkenaan : RM _____
 @ RM _____ seorang pelatih X bil. pelatih _____

Jumlah kos latihan : RM _____

7. **PENGESAHAN MAJIKAN**

a) Kami mengisytiharkan bahawa semua perbelanjaan yang dilakukan bagi program ini adalah dibiayai oleh syarikat.

b) Kami difahamkan bahawa sekiranya kami berjaya diberi geran latihan disebabkan oleh kenyataan palsu atau tidak benar, kami boleh didakwa di bawah **Seksyen 41 Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 (Akta 612)** dan di samping itu, Pembangunan Sumber Manusia Berhad boleh, atas budibicaranya, menarik balik geran latihan ini dan dengan serta-merta menuntut semula sebarang amaun yang telah dibayar kepada kami sebelum ini.

c) Kami mengesahkan bahawa semua maklumat yang diberikan berhubung dengan tuntutan ini dan juga maklumat yang disertakan bersama adalah benar dan betul dan segala perbelanjaan yang dituntut telah dibiayai oleh kami dalam melaksanakan program/kursus yang diluluskan di bawah dan selain daripada tuntutan ini, tidak ada apa-apa tuntutan lain dibuat mengenai perbelanjaan tersebut. Semua dokumen yang berkaitan dengan tuntutan ini adalah disimpan oleh kami dan boleh diperiksa oleh Urusetia Pembangunan Sumber Manusia Berhad.

Kami mengisytiharkan bahawa terma-terma dan syarat-syarat untuk bantuan yang diberikan telah dipatuhi.

COP SYARIKAT TANDATANGAN : _____

NAMA : _____

JAWATAN : _____

(Pengerusi/Pengarah Urusan/Pemilik Tunggal/Rakan Kongsi/Akauntan/Pegawai yang bertanggungjawab - **nyatakan taraf jawatan**) +

TARIKH : _____

+ Potong mana yang tidak berkenaan

UNTUK PROGRAM E-LATIHAN SAHAJA

PSMB/PRO/ET/1/01

SENARAI KEHADIRAN
(Untuk diisi oleh
Penyedia Latihan)

Senarai kehadiran ini
mestilah disertakan bersama
borang tuntutan

Tajuk Kursus : _____ Majikan Penaja : _____

Tempoh Latihan

Latihan Capaian : _____jam

Latihan Interaktif : _____jam

Latihan Bersemuka : _____jam

Ahli + Bukan Ahli +
(+ Tandakan (3) di petak yang berkenaan)

Tempat Latihan _____
Bersemuka :

Cara Latihan Bersemuka Dijalankan :

1) Bilangan Hari Kelas Malam : Hari

2) Bilangan Hari Kelas Biasa/Hujung : Hari
Minggu

(a) 4 Jam sehari dan ke atas: Hari

(b) Kurang dari 4 jam sehari : Hari

Jarak Tempat Latihan Bersemuka
Dari Premis Majikan : _____km

Nama Dan No. K/P Pelatih	Kursus/Semester/ Modul * Dan Bayaran Yuran Kursus Yang Telah Dibuat	Kehadiran Melebihi 75% Ya/Tidak*	** Kehadiran Dalam Peperiksaan/Tidak Hadir/Dan/Atau Kerja Tugasan Siap/ Tidak Siap/ Bukan Peperiksaan *
_____	_____	_____	_____

(Sila buat lampiran sekiranya ruangan yang disediakan tidak mencukupi)

Saya mengisytiharkan bahawa fakta-fakta dalam borang ini dan juga maklumat-maklumat yang disertakan bersama adalah benar dan saya tidak menyembunyikan atau memutarbelitkan sebarang fakta penting. Saya mengisytiharkan bahawa terma-terma dan syarat-syarat di bawah Skim PROLUS telah dipatuhi oleh kami.

NAMA : _____ TANDATANGAN : _____

JAWATAN/
COP PENGANJUR : _____ TARIKH : _____

(Semua pindaan hendaklah ditandatangani oleh pegawai yang mengesahkan)

** Sekiranya rekod kehadiran adalah di bawah 75%, sila beri alasan membenarkan pelatih mengambil peperiksaan.

* Potong mana yang tidak berkenaan